

1. Rajah 1 menunjukkan suatu pola nombor. Apakah nombor yang mungkin bagi mewakili kad P?

104 746

104 688

104 630

P

104 514

Rajah 1

A 104 572

B 104 527

C 104 570

D 104 725

2. Bundarkan 7 698 028 kepada puluh ribu terdekat.

A 7 690 000

B 7 600 000

C 7 700 000

D 7 680 000

3. Rajah 2 menunjukkan suatu garis nombor.



Rajah 2

Apakah nilai bagi R?


A  $1\frac{1}{3}$

B  $1\frac{1}{6}$

C  $1\frac{3}{5}$

D  $1\frac{4}{5}$

4. Rajah 3 menunjukkan sebuah segi empat tepat. Luasnya ialah  $200 \text{ cm}^2$ . Kirakan sisi y bagi segi empat tepat tersebut.



Rajah 3

A  $800 \text{ cm}$

B  $5 \text{ cm}$

C  $50 \text{ cm}$

D  $100 \text{ cm}$

5. Umur Encik Razak ialah 3 dekad 4 tahun manakala umur saudaranya ialah 9 tahun lebih muda. Hitung umur saudara Encik Razak.


A  $23 \text{ tahun}$

B  $25 \text{ tahun}$

C  $43 \text{ tahun}$

D  $2 \text{ tahun } 5 \text{ bulan}$

6. Rajah 4 menunjukkan sebatang kayu dan pita ukur yang memberikan bacaan dalam meter. Berapakah panjang kayu tersebut dalam cm ?



Rajah 4


A  $550 \text{ cm}$

B  $650 \text{ cm}$

C  $700 \text{ cm}$

D  $600 \text{ cm}$

7. Rajah 5 menunjukkan hasil M setelah di darab dengan 3. Apakah nilai M ?


$$21 \frac{12}{1000}$$

Rajah 5


A  $7.004$

B  $7.4$

C  $7.04$

D  $7.14$

8. Rajah 6 yang berlorek menunjukkan bahagian kek yang telah diterima oleh Hazizi. Kek yang diterima itu dikongsi bersama abangnya. Berapa bahagiankah yang diterima oleh abangnya daripada keseluruhan kek itu ?



Rajah 6

A  $\frac{1}{2}$

B  $\frac{1}{6}$

C  $\frac{1}{3}$

D  $\frac{2}{3}$

9.  $7.03 =$

A  $7\frac{3}{10}$

B  $7\frac{3}{1000}$

C  $7\frac{3}{100}$

D  $7\frac{1}{3}$

10. Jumlah pelawat bagi pameran kereta selama 4 bulan dari Januari 2014 hingga April 2014 ialah seramai 750 040 orang. Jumlah pelawat bagi bulan Januari dan Februari ialah 163 420 dan 134 892 orang masing-masing. Jumlah pelawat bagi bulan Mac dan April pula adalah sama. Berapakah perbezaan antara jumlah pelawat teramai dengan pelawat paling sedikit bagi pameran tersebut ?

A 225 864

B 90 972

C 451 728

D 298 312

11.  $\frac{1}{4}$  jam 30 saat + 15 minit 55 saat =

A  $\frac{3}{4}$  jam 85 saat

B 31 minit 25 saat

C 15 jam 25 saat

D 30 minit 25 saat

12.  $53.705 + \frac{1}{2} + 8\frac{3}{4} =$

A 61.705

B 63.245

C 62.955

D 63.0

13. RM 23 407 + RM 3 402.35 – 360 sen =


A RM 26 805.75

B RM 26 449.35

C RM 26 809.35

D RM 27 169.35

14. Rajah 7 menunjukkan sebuah kawasan kebun yang dimiliki oleh Pak Jamal.  $\frac{1}{2}$  daripada kawasan itu ditanam dengan sayur-sayuran. 25% daripada baki kawasan itu pula ditanam dengan pokok kelapa. Kawasan yang lain pula dibiarkan kosong tanpa sebarang tanaman.



Rajah 7

Berapakah keluasan kawasan yang dibiarkan kosong tersebut?

- |                     |                      |
|---------------------|----------------------|
| A $900 \text{ m}^2$ | B $1125 \text{ m}^2$ |
| C $675 \text{ m}^2$ | D $1800 \text{ m}^2$ |

15. Nilai yang manakah paling besar ?

- |                       |                    |
|-----------------------|--------------------|
| A $0.65 \times 340$   | B $6.5 \times 34$  |
| C $0.065 \times 3400$ | D $6.5 \times 340$ |

16. Min bagi 8, 17, 8, 25, 46, Y, 32 ialah 22. Apakah nilai bagi Y ?

- |            |            |
|------------|------------|
| A      158 | B      136 |
| C      18  | D      132 |

17. Purata bagi 5 nombor ialah 350. Nombor pertama, kedua dan ketiga adalah sama. Jumlah nombor ke empat dan kelima adalah  $\frac{1}{10}$  daripada jumlah keseluruhan nombor tersebut.

Apakah nombor kedua tersebut ?

A 1 750

B 525

C 175

D 1 575

18. Dalam suatu permainan guli yang mempunyai beberapa pusingan, bagi pusingan pertama, 10 orang murid diberikan 12 biji guli setiap orang. Selepas itu, bagi pusingan seterusnya, 2 orang akan berhenti bermain. Semua guli tersebut akan dibahagikan semula sama banyak kepada semua pemain yang meneruskan permainan tersebut.

Berapakah jumlah guli yang akan diterima oleh setiap pemain pada awal pusingan ke empat?

A 20

B 30

C 15

D 12

19. Jadual 1 menunjukkan barang yang dibeli oleh Pn. Wong di sebuah pasaraya.

Item	Jumlah	Harga seunit (RM)
Beras	20 kg	5.00
Ikan	7 kg	4.60
Buah epal	3 kg	3.50

Jadual 1

Pn. Wong membawa 2 keping wang RM50, 2 keping wang RM20 dan 8 keping wang RM1. Berapakah baki wang yang dia ada selepas membuat bayaran barang di atas?



A RM 148.00


B RM 142.70

C RM 13.10

D RM 5.30

20. Karipap sardin dan karipap daging dibungkus dan diletakkan di dalam sebuah kotak. Terdapat 2 karipap sardin bagi setiap 3 karipap daging. Berapa bilangan karipap sardin yang perlu diletakkan supaya jumlah bilangan kedua-dua karipap itu adalah 60 ?
- A** 24      **B** 12  
**C** 36      **D** 22
21. Piktograf menunjukkan jualan piza disebuah restoran. Jualan pada minggu ke empat tidak ditunjukkan.

Minggu 1	
Minggu 2	
Minggu 3	
Minggu 4	



mewakili 60 keping piza.

Bilangan piza yang dijual pada minggu ke empat ialah 20% daripada jumlah jualan bagi keseluruhan minggu 1 hingga minggu 4.

Cari beza antara bilangan piza yang dijual pada minggu ke dua dengan minggu ke empat.

- A** 45      **B** 225  
**C** 900      **D** 15

22. Rajah 8 menunjukkan harga bagi 3 barang yang dibeli oleh Aiman.

	$\frac{1}{4}$ daripada harga komputer
	RM 3 000
	50% daripada harga meja

Rajah 8

Aiman mempunyai wang 30% lebih banyak daripada jumlah keseluruhan harga barang yang dibelinya. Hitungkan baki wangnya selepas membayar kesemua barang tersebut.

**A** RM 1 237.50

**B** RM 5 362.50

**C** RM 4 125.00

**D** RM 750.00

23. Berikut adalah arahan penggunaan racun rumpai yang perlu diikuti supaya penggunaannya berkesan.

0.4 ℥ racun ini hendaklah dicampurkan bersama 15 ℥ air.


Pak Samad menggunakan 3 botol racun seperti di bawah untuk membancuh racun rumpai di ladangnya.



Hitung jumlah isi padu, dalam ℥, bahanan racun rumpai yang dapat dibuat oleh Pak Samad.

- |   |    |   |     |
|---|----|---|-----|
| A | 18 | B | 135 |
| C | 45 | D | 3.6 |


24. Rajah 10 menunjukkan kedudukan murid-murid kelas 6 Harapan.



Siapakah antara murid tersebut berada pada kedudukan (7,2) ?

- |   |        |   |      |
|---|--------|---|------|
| A | Ismail | B | Alya |
| C | Nurin  | D | Afiq |

25. Rajah 11 menunjukkan jarak yang dilalui oleh peserta dalam kejohanan merentas desa.



Rajah 11

Jarak dari stesen B ke garis penamat pula adalah separuh dari jarak stesen A ke stesen B.

Hitungkan jumlah jarak yang perlu dilalui oleh peserta tersebut.


A       $4.39 \text{ km}$

B       $4.66 \text{ km}$

C       $1.12 \text{ km}$

D       $3.54 \text{ km}$

26. Rajah 12 menunjukkan dua bekas air yang mempunyai isi padu berlainan.



Bekas A



Bekas B

Nisbah bekas A kepada bekas B ialah  $1:3$ .

Antara berikut, isipadu manakah yang mewakili bekas A dan bekas B ?

	Bekas A	Bekas B
A	$300 \text{ m} \ell$	$0.9 \text{ } \ell$
B	$0.4 \text{ } \ell$	$800 \text{ m} \ell$
C	$0.5 \text{ } \ell$	$0.7 \text{ } \ell$
D	$0.2 \text{ } \ell$	$3 \text{ } \ell$

27. Hazrin memulakan perjalanan ke Kuala Lumpur dari Johor Bahru pada 25 Januari 2016 jam 0730. Setelah memandu selama 2 jam 15 minit, Hazrin telah berhenti rehat selama 45 minit dan memerlukan lagi 1 jam 20 minit untuk tiba di Kuala Lumpur.

Pada jam berapakah Hazrin dijangka tiba di Kuala Lumpur ?

A

11:50 p.m

B

jam 0945


C

Jam 1150

D

11:10 a.m

28. Rajah 13 menunjukkan isipadu bagi 2 jenis minuman di sebuah kedai.



Rajah 13

Antara gabungan bilangan minuman berikut, yang manakah perlu dilakukan untuk mendapatkan  $10 \text{ ℓ}$  air minuman ?

A

	Susu	Oren
A	40	20
B	10	15
C	4	2
D	15	12

B

C

D

29. Danial ada 7 260 biji guli berwarna merah. Dia memberikan 30% biji guli itu kepada Hasim. Bakinya akan diagihkan sama banyak kepada Alias dan 5 lagi kawannya.

Berapakah jumlah bilangan guli yang akan diperolehi oleh Alias?


A 2 178

B 5 082

C 1016

D 847

30. Rajah 14 menunjukkan bilangan buku yang dibaca oleh murid di sebuah sekolah.



Rajah 14

Jumlah bilangan buku yang dibaca oleh 6 kelas itu adalah sebanyak 420 buah.

Bilangan buku kelas 6B adalah 20% lebih rendah berbanding bilangan kelas 6C.

Bilangan buku kelas 6D pula adalah  $\frac{3}{4}$  daripada bilangan kelas 6A.

Berapakah bilangan buku bagi kelas 6F ?

A 29

B 45

C 96

D 19

31. En. Siva menerima gaji secara tetap dari majikannya. 25% daripada gaji bulanannya disimpan di sebuah bank. Selepas setahun bekerja,  $\frac{1}{2}$  daripada simpanannya telah dikeluarkan.

50% daripada wang yang dikeluarkan itu telah digunakan untuk membayar sebuah komputer berharga RM4 200. Berapakah gaji En. Siva sebulan ?


A RM 16 800

B RM 1 400

C RM 5 600

D RM 4 200

32. Rajah 15 menunjukkan jarak dan perjalanan dari Bandar Puteri ke Pekan Sayang.



Rajah 15

Jarak dari Bandar Puteri ke rumah ialah 13 km 20 meter. Jarak dari masjid ke Pekan Sayang pula adalah 2 kali ganda jarak dari Bandar Puteri ke rumah. Jarak Bandar Puteri ke masjid pula ialah  $\frac{1}{4}$  daripada jarak masjid ke Pekan Sayang.

Jarak dari rumah ke Pekan Sayang pula adalah 75% lebih jauh dari jarak Bandar Puteri ke rumah. Jarak perjalanan terus dari Bandar Puteri ke Pekan Sayang tanpa melalui masjid atau rumah adalah 8.6 km.

Apakah perbezaan antara perjalanan terjauh dengan perjalanan terdekat dari Bandar Puteri ke Pekan Sayang ?


A 27.205 km

B 32.55 km

C 35.805 km

D 22.785 km

33. Rajah 16 menunjukkan manik yang berada di dalam sebuah bekas.



Rajah 16

20% daripada manik itu berwarna merah. 50% daripada bakinya pula berwarna kuning.

Baki yang lain adalah berwarna hijau dan putih. Jika bilangan manik hijau dan putih adalah sama, berapakah bilangan manik berwarna hijau ?

- A 180  
C 120

- B 90  
D 530

34. Rajah 17 menunjukkan sebuah kereta yang dibeli oleh Encik Johan.




Rajah 17

Harga tersebut adalah sebelum cukai sebanyak RM 8 300 dan diskaun sebanyak RM 3 900.

Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Encik Johan untuk memiliki kereta tersebut ?

- A RM 24 200  
C RM 32 000
- B RM 48 600  
D RM 40 800

35. Rajah 18 menunjukkan semangkuk biji saga dan alat penimbang.



Rajah 18

Berat mangkuk itu adalah  $\frac{1}{3}$  daripada jumlah berat tersebut.

Jika sebiji biji saga itu mempunyai berat antara 5 g hingga 20 g, apakah kemungkinan bilangan biji saga yang terdapat di dalam mangkuk itu ?


A 100

B 64

C 25

D 500

36. Rajah 19 menunjukkan sebuah ladang dengan tasik ditengahnya yang dilorekkan.



Rajah 19

Keluasan tasik itu adalah  $\frac{1}{5}$  daripada keluasan ladang tersebut. Hitungkan keluasan ladang yang tidak diliputi oleh tasik dalam  $m^2$ .


A 4 800

B 960

C 3 840

D 5500

37. Rajah 20 menunjukkan kawasan meletak kereta yang dipagari dengan pagar dawai.



Rajah 20

Azlan mewarnakan  $\frac{1}{4}$  daripada pagar itu dengan warna merah. 56 meter lagi diwarnakan dengan warna kuning. Selebihnya dibiarkan tidak di cat.

Nyatakan pecahan bahagian pagar itu yang tidak di cat.

A  $\frac{1}{5}$


B  $\frac{1}{4}$

C  $\frac{2}{5}$

D  $\frac{1}{3}$


38. Rajah 21 menunjukkan dua bekas, P dan Q, yang diisi dengan air milo.

$3\frac{2}{5}\ell$



Bekas P

$3\ell$   $500\text{ m}\ell$



Bekas Q

Rajah 21

Isi padu bekas P dan bekas Q dituang sama banyak ke dalam 12 bekas kecil.

Berapakah isi padu, dalam  $\text{m}\ell$ , air di dalam bekas kecil itu ?

A 575

B 3 400

C 6 900

D 6 912

39. Rajah 22 ialah ketinggian Azim dan abangnya.



Rajah 22

Tinggi Abang adalah 20% lebih tinggi dari ketinggian Azim.

Jumlah tinggi mereka pula adalah 75% lebih tinggi daripada tinggi ibu mereka.

Berapakah tinggi ibu mereka ?

A 1.68 m

B 3.08 m

C 2.31 m

D 1.76 m

40. Rajah 23 menunjukkan nombor-nombor yang tersusun di atas meja.

46

30

Y

320

160

X

Rajah 23

Purata bagi semua nombor tersebut adalah 1 432.

Nilai Y adalah  $\frac{1}{4}$  daripada jumlah Y dan X.

Apakah kemungkinan nilai bagi Y tersebut ?

A 8 592

B 6 027

C 8 036

D 2 009